

Rakyat masih mahukan saya jadi PM: Dr Mahathir

BH - 21/11/2019 m/s: 2

Petaling Jaya: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat masih mahukan beliau menjadi Perdana Menteri di sebalik kekalahan Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai, Sabtu lalu.

Perdana Menteri memberi reaksi demikian ketika ditanya mengenai isu peralihan kuasa di antara beliau dan Ketua Umum PH, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi PH dan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PH), menegaskan beliau bersedia jika mahu dipecat oleh pakatan berkenaan.

“Mereka (PH) boleh pecat saya, tetapi yang saya tengok sekarang, rakyat suka saya,” katanya pada sidang selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), di sini semalam.

Isu peralihan kuasa Perdana Menteri sebelum ini dibangkitkan oleh pihak tertentu dalam PH, namun Anwar sendiri sebelum ini menyifatkan ia bukan perkara yang mendesak dan akan diputuskan pada Mesyuarat Majlis Presiden PH.

Desakan supaya Dr Mahathir berundur kembali kedengaran susulan kekalahan PH di Tan-

jung Piai dengan majoriti 15,086 undi yang disifatkan oleh beberapa pemimpin PH bahawa ia satu mesej jelas rakyat terhadap pentadbiran kerajaan pakatan berkenaan.

Ditanya mengenai pertemuan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dengan sekumpulan Ahli Parlimen pembangkang dan PH di Putrajaya pada Isnin lalu, Perdana Menteri menjelaskan, beliau tidak tahu mengapa pertemuan itu diadakan.

“Saya belum bertemu dia (Mohamed Azmin) lagi. Saya tak tahu kenapa ada mesyuarat. Tapi ini (PKR) patut selidik perkara ini,” katanya.